


Pemudah jadi pemangkin ekonomi

Dasar proaktif mampu kembalikan 'saat manis' sebelum krisis 1997-1998



**Meniti
Arus**

Bersama

Abdul Rahman Sulaiman

E-mel: rahmansulaiman@yahoo.com

PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelmarin mengumumkan penubuhan pasukan petugas khas dianggotai 23 profesional daripada kalangan sektor awam dan swasta untuk mencari jalan memperbaiki lagi sistem penyampaian kerajaan, sekali gus merencanakan pertumbuhan ekonomi negara.

Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah) dipengerusikan bersama Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan dan Presiden Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM), Datuk Yong Poh Kon itu antara lain mengenal pasti serta mencadangkan langkah penambahbaikan terhadap prosedur, peraturan dan undang-undang memudahkan pengendalian urusan niaga di negara ini.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop menjelaskan penubuhan Pemudah adalah tepat pada masanya terutama ketika negara kembali mendapat perhatian pelabur asing.

Memang betul bahawa angka tunjuk utama ekonomi makro kini positif dengan persekitaran yang menggalakkan dari segi pertumbuhan, guna tenaga, inflasi rendah, pertambahan keuntungan korporat dan kecairan yang tinggi.

Penyusunan semula syarikat berkaitan kerajaan atau GLC dilaksanakan sejak beberapa tahun lalu juga mendapat sambutan baik bukan saja pada peringkat tempatan tetapi antarabangsa.

Dasar mesra pelabur dan kejayaan kerajaan menyediakan persekitaran perniagaan lebih kondusif bagi merangsang kadar pertumbuhan yang kekal mapan seperti diharapkan. Ia membolehkan syarikat memperoleh laba lebih besar dan dengan itu mengisytiharkan dividen lebih tinggi kepada pelabur.

Sebagai contoh, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) baru-baru ini mengisytiharkan dividen sebanyak 5.15

INTI PATI

Pencapaian ekonomi negara

- Angka tunjuk utama ekonomi makro kini positif dengan persekitaran menggalakkan dari segi pertumbuhan, guna tenaga, inflasi rendah, pertambahan keuntungan korporat dan kecairan yang tinggi.
- Penyusunan semula syarikat berkaitan kerajaan dilaksanakan sejak beberapa tahun lalu mendapat sambutan baik pada peringkat tempatan dan antarabangsa.
- Dasar mesra pelabur dan kejayaan kerajaan menyediakan persekitaran perniagaan lebih kondusif bagi merangsang kadar pertumbuhan kekal mapan. Ia membolehkan syarikat memperoleh laba lebih besar dan dapat mengisytiharkan dividen lebih tinggi kepada pelabur.
- Negara dijangka dapat merekodkan kadar pertumbuhan 5.9 peratus tahun lalu, melepasi unjuran awal dan terus mapan sekitar enam peratus setahun pada tahun akan datang sekiranya tiada peristiwa di luar dugaan berlaku di mana-mana.

peratus untuk 2006, lebih tinggi daripada dividen tahun sebelumnya iaitu 5 peratus. Tabung Haji juga dijangka mengumumkan dividen lebih tinggi tahun ini, tidak lama lagi.

Satu-satunya berita paling mengembirakan ialah prestasi dicapai GLC dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini. Angka mutakhir menunjukkan bahawa 10 buah GLC dikaji pada tempoh itu berjaya memulihkan kedudukan masing-masing bukan saja dari segi prestasi, tetapi dari segi modal pasaran selepas terjejas teruk ketika Krisis Kewangan Asia 1997-1998.

Antara 10 GLC dikaji itu, Bumiputra-Commerce Holdings Bhd adalah 'pemenang' utama apabila modal pasarnya

meningkat daripada hanya RM2.29 bilion pada 1998 kepada RM31.52 bilion awal minggu ini. Ini menunjukkan peningkatan 13 kali ganda.

Dari segi prestasi, Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengatasi syarikat lain selepas berjaya keluar daripada kerugian sebanyak RM3.1 bilion pada 1998 kepada keuntungan bersih sebanyak RM2.13 bilion tahun lalu.

Sebuah lagi bank tempatan yang berjaya ialah Malayan Banking Berhad (Maybank). Kumpulan itu berjaya memperoleh keuntungan sebelum cukai RM4.3 bilion tahun lalu berbanding RM553.3 juta pada 1998. Modal pasarnya juga meningkat lima kali ganda kepada RM51.3 bilion daripada RM9.6 bilion 10 tahun lalu.

Cuma dua buah GLC masih menunggu pemulihan iaitu Proton Holdings Bhd dan Penerbangan Malaysia (MAS).

Negara dijangka dapat merekodkan kadar pertumbuhan 5.9 peratus tahun lalu, melepasi unjuran awal dan terus mapan sekitar enam peratus setahun pada tahun akan datang sekiranya tiada peristiwa di luar dugaan berlaku di mana-mana.

Bagi kebanyakan pakar ekonomi, kadar pertumbuhan KDNK sekitar enam peratus sudah dianggap cukup baik selepas mengambil kira persekitaran global tidak menentu, kedudukan geopolitik yang tidak stabil dan turun naik harga minyak mentah dunia.

Ramai juga beranggapan pertumbuhan melebihi lapan peratus setahun pernah dicapai pada tahun sebelum krisis 1997-1998 adalah detik manis yang akan hanya kekal dalam lipatan sejarah untuk dikenang generasi akan datang. Saat manis itu memang sukar diulang lagi.

Dalam satu sesi percambahan fikiran yang penulis hadir di Kuala Lumpur baru-baru ini, beberapa pakar ekonomi tempatan berpendapat bahawa ekonomi negara masih berpotensi berkembang pada kadar lapan peratus setahun seperti pada tahun pra krisis dengan syarat kerajaan mengambil beberapa langkah proaktif.

Dalam hubungan ini penubuhan Pemudah sudah pasti boleh menyumbang ke arah merealisasikan cita-cita itu.

Langkah lain yang boleh ditimbang ialah pelancaran projek infrastruktur secara besar-besaran di bawah pelaburan

swasta atau Inisiatif Kewangan Swasta (PFI) seperti projek landasan kereta api berkembar ke utara, landasan kereta api dari Kuala Lumpur ke Pantai Timur dan perkhidmatan kereta api laju dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru dan Singapura.

Usaha menambah kemudahan sekolah perlu diperhebatkan untuk membolehkan sesi persekolahan diadakan di sebelah pagi secara 100 peratus.

Langkah lain termasuk:

- Rancangan Perumahan Kebangsaan membolehkan setiap orang; yang berhak dan layak memiliki rumah sendiri;

- Menggalakkan pertumbuhan industri Petro-Chemical, termasuk pembinaan jambatan darat di sempadan Malaysia-Thai;

- Pembinaan projek pelancongan bersepadu;

- Menjadikan Lembah Klang sebagai Kawasan Pembangunan Global dengan infrastruktur fizikal dan perundangan bertaraf dunia;

- Menjadikan Malaysia sebagai hab wilayah untuk penjaan tenaga yang boleh diperbaharui;

- Menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab logistik, dan

- Memaksimumkan integrasi dan liberalisasi pasaran kewangan serta modal.

Tidak syak lagi semua projek dicadangkan ini akan memberi kesan limpahan jangka panjang yang menyeluruh kepada ekonomi selain memberi manfaat kepada setiap lapisan masyarakat.

Di samping projek dicadangkan itu, usaha yang dijalankan sekarang untuk meningkatkan produktiviti, membangunkan keusahawanan, menggalakkan inovasi dan meningkatkan kecekapan pengurusan serta dan membangunkan modal insan hendaklah diteruskan dengan lebih agresif.

Jika ini dapat dilaksanakan di samping langkah lain yang boleh difikirkan dari semasa ke semasa, adalah diyakini Malaysia mampu memulihkan ekonomi sepenuhnya ke tahap yang pernah dinikmati sebelum krisis kewangan 1997-1998.

Penulis adalah bekas Ketua Pengarang Bernama dan pernah menjadi Ahli Parlimen, adalah Penasihat Direktorat Pelaksanaan Negara